

30 AUG 2001

Agong-Pelajar

AGONG MAHU PELAJAR TELADANI PENGORBANAN PEMIMPIN NEGARA

KUALA LUMPUR, 30 Ogos (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah bertitah golongan pelajar perlu menjadikan pengorbanan tokoh-tokoh negara dahulu dan sekarang sebagai teladan ke arah meningkatkan semangat patriotik bagi memperkasakan jati diri bangsa Malaysia yang bermaruah.

Seri Paduka bertitah generasi hari ini dan rakyat seluruhnya harus berterima kasih dan terhutang budi kepada generasi terdahulu yang banyak berjasa dalam membawa kesejahteraan negara yang dinikmati sekarang.

"Pengorbanan tokoh-tokoh negara seperti Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Tun Abdul Razak Hussein, Tun Hussein Onn dan kepimpinan sekarang yang diketuai oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah berjaya mengangkat nama Malaysia di persada dunia," titah Seri Paduka dalam perutusan khas kepada semua pelajar sekolah kerajaan yang dibaca oleh pengetua-pengetua pada perhimpunan khas Hari Kemerdekaan ke-44 hari ini.

Teks perutusan Seri Paduka dikeluarkan oleh Istana Negara kepada media di sini.

Seri Paduka berharap pelajar dan generasi muda sentiasa menghormati ibu bapa, pemimpin negara dan mereka yang lebih tua, berakhlak mulia serta tekun menghadapi pelajaran.

Sultan Salahuddin turut meminta semua warga Malaysia khususnya pelajar dan guru sentiasa berusaha mengekalkan keamanan dan keharmonian negara.

Seri Paduka bertitah aktiviti pendidikan yang bermatlamatkan perpaduan dan pembentukan insan yang seimbang daripada segi jasmani, emosi, rohani dan intelek harus ditingkatkan dari semasa ke semasa.

Baginda juga berharap tema Hari Kemerdekaan tahun ini "Keraname Malaysia" akan dihayati dengan rasa kesedaran mendalam di kalangan semua pelajar.

"Keraname Malaysia pelajar-pelajar hari ini dapat menikmati suasana pembelajaran yang kondusif. Keraname Malaysia dunia pendidikan negara sentiasa cemerlang," titah Seri Paduka.

Baginda mengajak rakyat untuk bersama-sama mengibarkan bendera Jalur Gemilang dengan penuh perasaan bangga kerana dapat hidup dalam sebuah negara yang aman dan maju.

Seri Paduka bertitah keamanan dan kemakmuran negara merupakan aset utama bagi sesebuah negara untuk menjana kemajuan.

"Sebaliknya, negara yang kucar-kacir akan mudah mengundang kemunduran, kemurungan, kebejatan ekonomi dan ketidakstabilan politik," titah Seri Paduka.

-- BERNAMA
MAM AHH MAI